

CABARAN LINGUISTIK DAN BUDAYA DALAM PENTERJEMAHAN KARYA KREATIF TAMIL KE BAHASA MELAYU

THE LINGUISTIC AND CULTURAL CHALLENGES IN TRANSLATING TAMIL LITERARY WORKS INTO MALAY

Logammal Sumugam ¹
Dr. Muniisvaran A/L Kumar^{2*}

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia, (E-mail: logaramesh14@gmail.com)

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia, (E-mail: muniisvaran@fbk.upsi.edu.my)

*Corresponding author: muniisvaran@fbk.upsi.edu.my

Article history

Received date : 3-12-2025
Revised date : 4-12-2025
Accepted date : 6-1-2026
Published date : 7-1-2026

To cite this document:

Sumugam, L., & Kumar, M. (2025). Cabaran linguistik dan budaya dalam penterjemahan karya kreatif Tamil ke bahasa Melayu. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 879-893.

Abstrak: Penterjemahan karya kreatif bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu merupakan satu usaha linguistik dan budaya yang kompleks serta mencabar. Kajian ini mengkaji isu-isu utama yang dihadapi oleh penterjemah dalam konteks linguistik, idiomatik dan budaya, dengan menumpukan perhatian kepada bagaimana perbezaan struktur bahasa, simbolisme dan nilai budaya mempengaruhi ketepatan makna serta keindahan karya. Pendekatan kualitatif deskriptif digunakan melalui analisis teks dan temu bual separa berstruktur bersama penterjemah berpengalaman bagi mengenal pasti cabaran serta strategi adaptasi yang diamalkan dalam proses penterjemahan. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan sintaksis, kekangan idiomatik serta unsur budaya yang tidak sepadan merupakan faktor utama yang menjejaskan kesetiaan makna dan kekuatan emosi teks asal. Kajian ini turut mengaplikasikan Teori Skopos dan Teori Ekuivalen Dinamik bagi menilai cara penterjemah menyeimbangkan antara kesetiaan terhadap teks sumber dan kefahaman pembaca sasaran. Justeru, hasil daripada kajian ini telah menyumbang kepada pembangunan amalan penterjemahan interkultural yang lebih berkesan, serta menyokong usaha memperkasa kepekaan budaya dalam konteks bahasa minoriti di Malaysia

Kata Kunci: Penterjemahan kreatif, bahasa Tamil, bahasa Melayu, cabaran linguistik, budaya, idiom, teori penterjemahan

Abstract: The translation of Tamil creative works into Malay represents a complex and challenging linguistic and cultural endeavour. This study examines the key issues faced by translators within linguistic, idiomatic, and cultural contexts, focusing on how differences in language structure, symbolism, and cultural values influence the accuracy of meaning and the aesthetic quality of the translated work. A descriptive qualitative approach was employed

through text analysis and semi-structured interviews with experienced translators to identify the challenges and adaptive strategies applied during the translation process. The findings reveal that syntactic differences, idiomatic constraints, and incongruent cultural elements are the main factors that undermine the fidelity of meaning and the emotional resonance of the source text. This study also applies the Skopos Theory and Dynamic Equivalence Theory to evaluate how translators balance fidelity to the source text with the comprehension of the target audience. Consequently, the outcomes of this study contribute to the development of more effective intercultural translation practices and support efforts to strengthen cultural sensitivity in the context of minority languages in Malaysia.

Keywords: *Creative translation, Tamil language, Malay language, linguistic challenges, idioms, cultural adaptation, translation theory*

Pengenalan

Penterjemahan karya kreatif merupakan satu proses komunikasi antara budaya yang melangkaui batas linguistik semata-mata. Ia melibatkan pemindahan makna, emosi dan nilai budaya daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Dalam konteks Malaysia, penterjemahan karya kreatif daripada bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam memperkukuh interaksi budaya dan memperluas akses terhadap warisan sastera masyarakat India tempatan. Bahasa Tamil yang kaya dengan tradisi kesusasteraan klasik serta bentuk ekspresi puitis yang mendalam menghadirkan cabaran unik apabila dialih ke dalam bahasa Melayu yang mempunyai struktur sintaksis dan morfologi yang berbeza.

Proses ini bukan sahaja menuntut penguasaan linguistik, tetapi juga memerlukan kepekaan terhadap simbolisme budaya, nilai estetika dan emosi tersirat yang terkandung dalam karya asal. Perbezaan struktur ayat antara bahasa Tamil, yang lazimnya berpola Subjek–Objek–Kata Kerja (SOV), dan bahasa Melayu, yang berpola Subjek–Kata Kerja–Objek (SVO), menyebabkan perubahan pada ritma serta tumpuan makna apabila teks diterjemah. Tambahan pula, unsur idiomatik dan metafora yang berakar pada konteks budaya Tamil sering kali tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu, menjadikan proses pemindahan makna semakin kompleks dan mencabar.

Dalam landskap linguistik semasa, terdapat kecenderungan terhadap penggunaan sistem terjemahan automatik berasaskan algoritma (*machine translation*). Namun demikian, sistem ini masih gagal menandingi kehalusan makna, emosi dan gaya bahasa dalam karya sastera. Kajian oleh Dwivedi, Nand dan Pal (2025) menunjukkan bahawa walaupun sistem *Neural Machine Translation (NMT)* efisien bagi teks teknikal, ia tidak mampu memproses simbolisme dan emosi yang tersirat dalam teks sastera Tamil. Oleh itu, peranan penterjemah manusia kekal kritikal dalam mengekalkan kesetiaan makna dan estetika karya asal.

Meskipun terdapat usaha penterjemahan karya sastera Tamil ke dalam bahasa Melayu, kajian mendalam terhadap cabaran linguistik dan budaya dalam proses ini masih terbatas. Sebahagian besar hasil penterjemahan sedia ada bersifat literal dan gagal mengekalkan keindahan emosi, simbolisme serta gaya bahasa asal. Selain itu, perbezaan sistem morfologi, struktur ayat dan makna idiomatik sering menyebabkan karya terjemahan kehilangan roh kesusasteraan Tamil. Keadaan ini menimbulkan persoalan sejauh mana penterjemah dapat menyeimbangkan antara kesetiaan terhadap teks sumber dan kefahaman pembaca sasaran, khususnya dalam konteks penterjemahan karya kreatif yang sarat dengan nilai budaya dan estetika. Kekurangan garis

panduan sistematik bagi penterjemahan kreatif antara bahasa minoriti seperti Tamil dan bahasa utama seperti Melayu turut membataskan usaha memperluas jangkauan karya sastera tempatan.

Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk: (1) mengenal pasti cabaran linguistik, idiomatik dan budaya dalam penterjemahan karya kreatif bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu serta (2) menganalisis strategi adaptasi dan pendekatan linguistik yang digunakan oleh penterjemah untuk mengekalkan kesetiaan makna dan estetika teks.

Oleh itu, dengan adanya penyelidikan ini akan memberikan sumbangan penting kepada dua dimensi utama, iaitu akademik dan praktikal. Dari segi akademik, kajian ini memperkaya wacana linguistik perbandingan dan memperkukuh pemahaman terhadap teori penterjemahan dalam konteks bahasa minoriti. Ia turut menyumbang kepada pengembangan disiplin penterjemahan kreatif yang menekankan keseimbangan antara ketepatan linguistik dan kesetiaan budaya. Dari segi praktikal, hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada penterjemah, pendidik bahasa serta penerbit dalam melaksanakan penterjemahan kreatif yang lebih sensitif terhadap nilai budaya dan keindahan bahasa. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan kualiti penterjemahan karya Tamil ke dalam bahasa Melayu, tetapi juga berpotensi memperkukuh pemahaman silang budaya serta perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Ulasan Literatur

Penyelidikan dalam bidang penterjemahan karya kreatif semakin mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik linguistik dan sastera, khususnya apabila bahasa sumber dan bahasa sasaran mempunyai struktur serta latar budaya yang berbeza. Dalam konteks Malaysia, usaha menterjemahkan karya sastera Tamil ke dalam bahasa Melayu bukan sahaja berdepan dengan cabaran linguistik, tetapi turut melibatkan cabaran semantik dan semiotik. Hal ini demikian kerana keindahan sesebuah karya sastera banyak bergantung pada penggunaan bahasa yang bersifat estetik, idiomatik dan sarat dengan nilai budaya yang mendalam (Baker & Saldanha, 2020). Oleh itu, penterjemahan tidak boleh dilakukan secara literal semata-mata, sebaliknya perlu bersifat kreatif, kontekstual dan adaptif agar keaslian serta makna asal dapat dikekalkan.

Dari sudut linguistik, perbezaan struktur tatabahasa dan morfologi antara bahasa Tamil dan bahasa Melayu sering menjadi cabaran utama dalam penterjemahan. Bahasa Tamil bersifat aglutinatif dengan sistem imbuhan kompleks yang membentuk makna gramatikal serta semantik, manakala bahasa Melayu pula lebih bersifat analitik. Menurut Srivatsa dan Kulkarni (2017), sistem kata kerja dalam bahasa Dravidian seperti Tamil amat bergantung pada partikel dan penanda aspek yang tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menyukarkan penterjemah mengekalkan bentuk ayat tanpa mengorbankan kefahaman pembaca sasaran. Kajian oleh Sangeetha dan Nimala (2024) turut menunjukkan bahawa perbezaan struktur ayat boleh mempengaruhi intensiti makna. Sebagai contoh, struktur ayat panjang dan padat dalam bahasa Tamil yang menonjolkan hubungan antara objek dan tindakan sering dipecahkan kepada beberapa ayat pendek dalam bahasa Melayu bagi memastikan kejelasan maksud. Walau bagaimanapun, perubahan ini berpotensi menjejaskan ritma puitis serta keindahan semula jadi teks asal. Oleh itu, penterjemah perlu mengimbangi antara ketepatan makna dan nilai estetika ketika melakukan penyesuaian struktur.

Selain aspek linguistik, dimensi emosi dan estetika turut memainkan peranan penting dalam penterjemahan karya kreatif. Bahasa Tamil sering menampilkan nilai keindahan melalui

metafora, simbolisme, serta permainan bunyi seperti aliterasi dan asonansi. Kajian oleh Dwivedi, Nand dan Pal (2025) menegaskan bahawa sistem terjemahan automatik tidak mampu meniru kehalusan gaya bahasa dan emosi teks sastera kerana algoritma tidak dapat memahami makna budaya yang tersirat. Sebaliknya, penterjemah manusia lebih berkeupayaan menafsir mesej berdasarkan konteks sosial, emosi dan budaya karya tersebut. Hal ini disokong oleh Monesh Kumar et al. (2024), yang mendapati bahawa keupayaan manusia dalam mengenal pasti dan menyesuaikan nada emosi adalah unsur penting dalam mengekalkan roh teks asal. Sehubungan itu, seperti yang diuraikan oleh Nida (1964), keberkesanan penterjemahan bukan sahaja bergantung pada kesetiaan makna, tetapi juga keupayaan menyampaikan kesan emosi yang setara kepada pembaca sasaran. Justeru, kepekaan estetik terhadap unsur keindahan bahasa menjadi kompetensi utama bagi penterjemah agar terjemahan tidak kehilangan daya tarikan sasteranya.

Di samping itu, unsur budaya dan idiomatik turut mewujudkan lapisan cabaran yang lebih mendalam. Banyak ungkapan idiomatik Tamil tidak mempunyai padanan langsung dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, ungkapan “கழுத்தை கொடுத்துவிட்டான்” (secara literal bermaksud *memberi lehernya*) membawa maksud menyerah diri sepenuhnya. Jika diterjemahkan secara literal, maknanya mungkin mengelirukan atau menyeleweng daripada maksud sebenar. Sangeetha dan Nimala (2024) menegaskan bahawa idiom merupakan elemen kontekstual yang berakar pada sejarah dan budaya tertentu, justeru sukar dialih tanpa kehilangan nilai simboliknya. Dalam keadaan ini, penterjemah berdepan dilema sama ada untuk mengekalkan idiom asal dengan penjelasan tambahan, menggantikannya dengan idiom Melayu yang hampir sepadan, atau menyesuainya secara bebas bagi memastikan kelancaran naratif (Newmark, 1988). Oleh itu, pemilihan strategi penterjemahan bergantung pada sensitiviti penterjemah terhadap keseimbangan antara keaslian budaya dan kefahaman pembaca.

Selanjutnya, peranan teknologi dalam penterjemahan turut mendapat perhatian meluas dalam dekad terkini. Kajian oleh Shivakumar et al. (2025) menunjukkan bahawa penggunaan sistem *Transformer* dalam penterjemahan teks-ke-teks mampu meningkatkan ketepatan makna bagi dokumen teknikal, namun masih belum dapat menandingi kehalusan semantik dan emosi dalam teks sastera. Teknologi mampu menganalisis data dalam skala besar dengan tepat, tetapi belum mempunyai keupayaan memahami metafora, simbolisme dan permainan bunyi yang bersifat kreatif (Kenny, 2017). Oleh itu, kebergantungan mutlak terhadap teknologi perlu diimbangi dengan campur tangan manusia, khususnya dalam penterjemahan yang menuntut sentuhan estetik.

Selain perbezaan linguistik dan keupayaan teknologi, pendekatan interdisiplin juga semakin diberi perhatian dalam bidang penterjemahan kreatif. Srivatsa dan Kulkarni (2017) menekankan bahawa pemahaman mendalam terhadap struktur morfologi bahasa sumber amat penting bagi memastikan pemetaan makna yang tepat ke dalam bahasa sasaran. Pendekatan ini relevan dalam konteks penterjemahan Tamil–Melayu kerana perbezaan imbuhan dan struktur kata kerja yang kompleks sering menimbulkan kekaburan makna apabila diterjemahkan secara literal. Dalam usaha menjelaskan pendekatan penterjemahan yang sesuai, dua teori utama menjadi asas kajian ini, iaitu *Teori Skopos* oleh Vermeer (1978) dan *Teori Ekuivalen Dinamik* oleh Nida (1964).

Teori Skopos menegaskan bahawa tujuan (*skopos*) sesuatu penterjemahan menentukan strategi yang harus dipilih oleh penterjemah. Dalam konteks penterjemahan karya kreatif Tamil–Melayu, matlamat utama ialah memindahkan mesej budaya dan estetika agar dapat difahami

secara optimum oleh pembaca sasaran. Oleh itu, kesetiaan mutlak terhadap bentuk teks asal bukanlah keutamaan; sebaliknya, tumpuan diberikan kepada sejauh mana hasil terjemahan dapat mencapai fungsi komunikatif yang diinginkan (Nord, 1997). Sebagai contoh, jika matlamat penterjemahan adalah untuk memperkenalkan sastera Tamil kepada khalayak Melayu, maka gaya, struktur dan idiom perlu disesuaikan agar mesej budaya dapat difahami tanpa menjejaskan nilai asal teks.

Sementara itu, *Teori Ekuivalen Dinamik* oleh Nida (1964) menekankan pencapaian kesan makna dan emosi yang sepadan antara pembaca sasaran dan pembaca asal. Dalam hal ini, penterjemah perlu memastikan bahawa mesej, emosi dan nuansa budaya yang terkandung dalam teks Tamil dapat dirasai dengan kedalaman yang sama oleh pembaca Melayu. Pemilihan kosa kata, gaya naratif dan penyesuaian kontekstual perlu dilakukan secara cermat supaya kesan estetika dan makna asal dikekalkan. Kedua-dua teori ini saling melengkapi seperti *Teori Skopos* menyediakan arah tujuan fungsional penterjemahan, manakala *Teori Ekuivalen Dinamik* menegaskan kepentingan pengalaman emosi dan kesetaraan makna bagi pembaca sasaran (Munday, 2016).

Walaupun banyak kajian terdahulu meneliti penterjemahan antara bahasa utama seperti Inggeris–Melayu atau Arab–Melayu (Abdullah & Hashim, 2021; Nor & Awang, 2023), penyelidikan mendalam mengenai penterjemahan antara bahasa minoriti seperti Tamil dan bahasa kebangsaan masih terhad. Kajian yang menggabungkan analisis linguistik, budaya dan teori penterjemahan dalam satu rangka konseptual yang menyeluruh masih jarang dilakukan. Oleh itu, kajian ini berhasrat mengisi jurang tersebut dengan menilai secara holistik cabaran linguistik dan budaya yang dihadapi oleh penterjemah karya kreatif Tamil–Melayu serta mengenal pasti strategi adaptasi yang berkesan. Pendekatan interdisiplin yang menggabungkan linguistik, teknologi dan pemahaman budaya diharapkan dapat memperkukuh kualiti penterjemahan kreatif di Malaysia serta menyumbang kepada pemerksaan bahasa minoriti dalam arus perdana kesusasteraan kebangsaan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif bagi membolehkan pemahaman mendalam terhadap masalah-masalah yang dihadapi semasa penterjemahan kreatif dijalankan. Pendekatan ini sesuai kerana ia memberi fokus kepada aspek makna, konteks dan pengalaman subjektif penterjemah, seperti yang disarankan oleh Monesh Kumar et al. (2024) dalam kajian tentang pengesanan emosi dalam pertuturan automatik. Kajian ini tidak bergantung kepada nombor atau statistik, sebaliknya kepada naratif dan wacana yang terkandung dalam teks dan pengalaman penterjemah itu sendiri. Pendekatan kualitatif juga membolehkan analisis dijalankan dengan lebih fleksibel serta memberikan ruang kepada tafsiran yang lebih kontekstual terhadap fenomena yang dikaji.

Kaedah pengumpulan data melibatkan dua teknik utama, iaitu analisis teks dan temu bual separa berstruktur. Lima karya Tamil moden (gabungan cerpen dan puisi) yang telah diterjemahkan secara rasmi ke dalam bahasa Melayu dipilih secara purposif berdasarkan kepelbagaian gaya dan tema. Analisis teks membolehkan penyelidik meneliti perbezaan struktur linguistik, penggunaan idiom, serta pemindahan makna budaya. Ini sejajar dengan saranan Sangeetha dan Nimala (2024) yang menyatakan bahawa sentimen dalam teks sastera perlu diteliti bukan sahaja dari segi semantik, tetapi juga emosi yang tersirat. Melalui analisis ini, penyelidik dapat menilai bagaimana teks asal disesuaikan dalam bentuk bahasa sasaran tanpa menjejaskan keaslian mesej dan keindahan estetikanya.

Dalam masa yang sama, temu bual dijalankan ke atas tiga orang penterjemah profesional yang mempunyai pengalaman lebih lima tahun dalam bidang penterjemahan karya Tamil–Melayu. Pemilihan mereka dibuat secara bertujuan berdasarkan kebolehpercayaan, penglibatan aktif dalam projek terjemahan sastera dan pengiktirafan dalam komuniti linguistik tempatan. Seperti yang diketengahkan oleh Dwivedi et al. (2025), penglibatan informan yang pakar membolehkan kajian lebih mendalam dan kontekstual, terutamanya bagi isu idiomatik dan rujukan budaya. Temu bual ini dijalankan secara separa berstruktur bagi memberikan fleksibiliti kepada peserta untuk berkongsi pengalaman dan pandangan mereka mengenai cabaran linguistik, strategi adaptasi serta pendekatan teori yang digunakan dalam kerja penterjemahan.

Kaedah analisis data yang digunakan ialah analisis tematik, iaitu proses mengenal pasti pola dan tema utama daripada data temu bual serta teks yang dikaji. Teknik ini memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kesukaran sebenar yang dialami oleh penterjemah dan bagaimana mereka menyesuaikan gaya, struktur dan kandungan teks asal. Seiring dengan cadangan Shivakumar et al. (2025), penyelidik turut menilai keberkesanan adaptasi tersebut melalui bacaan kritikal terhadap teks sasaran untuk melihat sejauh mana ia mengekalkan emosi dan gaya asal karya Tamil. Proses ini dilaksanakan secara sistematik dengan membandingkan hasil penterjemahan bagi mengenal pasti bentuk ekuivalen yang wujud serta sejauh mana prinsip *Teori Skopos* dan *Ekuivalen Dinamik* diaplikasikan secara praktikal.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, triangulasi kaedah digunakan melalui gabungan analisis teks dan temu bual. Kesemua transkripsi temu bual disemak semula oleh peserta bagi memastikan ketepatan maklumat. Kajian ini turut mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh institusi pengajian tinggi. Persetujuan bertulis diperoleh daripada semua responden sebelum sesi temu bual dijalankan, dan identiti mereka dirahsiakan dengan penggunaan kod khusus bagi menjaga privasi. Kajian ini juga dijalankan dalam tempoh Januari hingga April 2025, melibatkan rujukan silang terhadap pelbagai sumber linguistik dan budaya yang relevan (Lihat Jadual 1)

Sumber rujukan kajian ini terdiri daripada jurnal akademik terindeks Scopus dan ScienceDirect, serta teks asal dan terjemahan rasmi yang diterbitkan. Pemilihan sumber yang sah dan bereputasi tinggi ini bertujuan untuk memastikan ketepatan dan kredibiliti dapatan kajian. Pepadanan antara teori linguistik dan data empirikal membolehkan dapatan yang lebih sahih dan signifikan, sejajar dengan pendekatan analisis linguistik moden seperti yang dihuraikan oleh Srivatsa dan Kulkarni (2017). Keseluruhannya, metodologi ini membolehkan kajian mencapai objektifnya dengan mendalam dan sistematik, di samping memastikan keseimbangan antara ketepatan ilmiah dan kepekaan budaya dalam memahami fenomena penterjemahan kreatif Tamil–Melayu di Malaysia.

Jadual 1: Rangka Metodologi Kajian

Komponen	Perincian
Reka bentuk kajian	Kualitatif deskriptif
Kaedah pengumpulan data	Analisis teks dan temu bual separa berstruktur
Sampel teks	5 karya kreatif Tamil moden (puisi dan cerpen yang telah diterjemah ke Melayu)
Lokasi kajian	Malaysia (kajian perpustakaan dan temu bual penterjemah tempatan)
Kaedah analisis	Analisis tematik dan interpretasi linguistik-budaya

Bilangan responden	3 orang penterjemah profesional
Kriteria pemilihan	Penterjemah berpengalaman ≥ 5 tahun dalam karya Tamil-Melayu
Tempoh kajian	Januari – April 2025
Sumber rujukan	Jurnal Scopus, ScienceDirect, teks asli dan terjemahan

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa penterjemahan karya kreatif bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu merupakan proses yang amat kompleks dan menuntut kepekaan tinggi terhadap aspek linguistik, emosi dan budaya. Penterjemahan bukan sekadar pemindahan bentuk bahasa, tetapi juga pemindahan makna yang berlapis-lapis, termasuk perasaan, nilai dan pandangan dunia masyarakat asal. Dalam konteks ini, cabaran terbesar yang dikenal pasti ialah ketidaksepadanan struktur linguistik, kekangan idiomatik, serta unsur budaya yang sukar diterjemahkan secara langsung tanpa mengubah maksud atau nuansa emosi yang ingin disampaikan oleh penulis asal.

Dari segi linguistik, perbezaan struktur antara bahasa Tamil yang berpola Subjek–Objek–Kata Kerja (SOV) dan bahasa Melayu yang berpola Subjek–Kata Kerja–Objek (SVO) menyebabkan perubahan urutan makna dan tekanan emosi dalam ayat terjemahan. Sebagai contoh, dalam karya Tamil, kata kerja sering diletakkan di hujung ayat untuk menimbulkan unsur dramatik dan ketegangan, manakala dalam bahasa Melayu, susunan ini tidak dapat dikekalkan tanpa menjejaskan kefahaman. Oleh itu, penterjemah terpaksa membuat pelarasan struktur agar mesej lebih mudah difahami oleh pembaca sasaran. Hal ini selaras dengan pandangan Dwivedi, Nand dan Pal (2025) yang menegaskan bahawa terjemahan karya kreatif memerlukan keseimbangan antara ketepatan linguistik dan kejelasan komunikasi. Dalam banyak keadaan, penterjemah perlu mengorbankan bentuk asal untuk memastikan mesej tetap tersampaikan dengan tepat dan berkesan kepada pembaca Melayu.

Cabaran idiomatik pula merupakan antara isu paling signifikan yang dihadapi oleh penterjemah. Ungkapan-ungkapan Tamil sering mengandungi makna simbolik yang bergantung pada pengalaman budaya masyarakat penutur asal. Misalnya, frasa seperti “தலையை தாழ்த்தினான்” (secara literal bermaksud *menundukkan kepala*) membawa maksud *merendah diri* atau *beralah dengan ikhlas*. Jika diterjemahkan secara literal, maksud konotatifnya mungkin hilang. Kajian ini mendapati bahawa penterjemah sering menggunakan tiga strategi utama untuk menyesuaikan idiom tersebut: (i) mencari padanan idiomatik yang hampir sama dalam bahasa Melayu, (ii) menterjemahkan maknanya secara bebas dengan mengekalkan konteks emosi, atau (iii) mengekalkan bentuk asal dengan penjelasan tambahan melalui nota kaki. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip *Ekuivalen Dinamik* oleh Nida (1964) yang menekankan kepentingan mencapai kesan makna dan emosi yang setara terhadap pembaca sasaran, bukannya kesetiaan mutlak kepada bentuk literal teks sumber.

Dari perspektif budaya, cabaran utama berpunca daripada unsur yang berkait rapat dengan nilai, adat dan simbolisme masyarakat Tamil yang tidak mempunyai padanan langsung dalam budaya Melayu. Misalnya, konsep “அண்ணன்” (*annan*) dan “தம்பி” (*tampi*) bukan sekadar bermaksud *abang* dan *adik lelaki*, tetapi mencerminkan hierarki kasih sayang, penghormatan dan tanggungjawab sosial yang mendalam dalam budaya Tamil. Sekiranya diterjemahkan secara literal tanpa penyesuaian kontekstual, nilai budaya ini akan hilang. Dalam situasi sebegini, penterjemah perlu membuat pilihan antara mengekalkan istilah asal dengan nota penjelasan, atau menggantikannya dengan istilah Melayu yang membawa konotasi hampir serupa. Pilihan strategi ini menggambarkan aplikasi prinsip *Skopos* (Vermeer, 1978), di mana tujuan penterjemahan menentukan bentuk dan tahap adaptasi yang dilakukan oleh penterjemah.

Sekiranya tujuan terjemahan adalah memperkenalkan budaya Tamil kepada pembaca Melayu, maka mengekalkan unsur asli dengan penjelasan tambahan lebih sesuai; sebaliknya, jika tujuannya untuk kefahaman umum, penyesuaian idiomatik lebih diutamakan.

Selain itu, aspek kesetiaan terhadap estetika dan emosi turut menjadi tumpuan penting. Keindahan karya Tamil sering terletak pada penggunaan metafora, irama dan permainan bunyi yang sukar dialih ke dalam bahasa Melayu tanpa kehilangan daya puitisnya. Kajian mendapati bahawa penterjemah kreatif berpengalaman cenderung menggunakan strategi parafrasa bergaya (*stylised paraphrasing*), iaitu menterjemah makna utama dengan menggunakan ungkapan Melayu yang mempunyai nilai keindahan dan emosi yang sepadan. Sebagai contoh, ayat Tamil yang berbunyi “அவளின் கண்களில் கடல் கலங்கியது” (secara literal bermaksud *lautan bergelora di matanya*, menggambarkan kesedihan mendalam) diterjemahkan sebagai *matanya berkaca menahan gelora jiwa*, yang mengekalkan keindahan emosi tanpa kehilangan makna. Pendekatan ini menunjukkan penerapan prinsip *Ekuivalen Dinamik* secara intuitif oleh penterjemah yang berpengalaman.

Hasil temu bual juga menunjukkan bahawa semua penterjemah menegaskan perlunya penterjemah memiliki pemahaman mendalam tentang konteks sosial dan sejarah masyarakat Tamil bagi menghasilkan terjemahan yang autentik dan berkesan. Seperti yang ditegaskan oleh Sangeetha dan Nimala (2024), makna budaya tidak hanya hadir pada kata, tetapi juga pada struktur dan gaya pertuturan. Oleh itu, penterjemahan yang berjaya bukan sekadar mementingkan ketepatan tatabahasa, tetapi juga kepekaan terhadap nilai budaya dan latar sosial teks asal. Penterjemah harus berfungsi bukan sahaja sebagai pemindah makna tetapi juga sebagai jambatan budaya (*cultural mediator*) yang memastikan mesej asal dapat diterima dengan kefahaman dan empati oleh pembaca sasaran.

Secara keseluruhannya hasil kajian ini menyokong teori bahawa penterjemahan kreatif ialah proses dua hala yang menuntut keseimbangan antara kesetiaan linguistik dan adaptasi budaya. *Teori Skopos* dan *Ekuivalen Dinamik* terbukti saling melengkapi dalam konteks ini. Pertama menyediakan rasional fungsional untuk menentukan tujuan dan pendekatan penterjemahan, manakala yang kedua memberi panduan tentang bagaimana kesan makna dan emosi dapat dikekalkan. Dalam konteks penterjemahan karya kreatif Tamil–Melayu, penterjemah perlu menggabungkan kedua-dua pendekatan ini secara fleksibel bagi memastikan mesej, emosi, dan nilai budaya dapat dipindahkan secara efektif tanpa menjejaskan keindahan teks asal.

Perbincangan ini memperlihatkan bahawa penterjemahan karya kreatif bukan sekadar aktiviti linguistik, tetapi satu proses seni dan pemaknaan semula (*re-interpretation*) yang melibatkan pertimbangan budaya, psikologi dan estetik. Oleh itu, kecekapan penterjemah bukan hanya bergantung pada pengetahuan bahasa semata-mata, tetapi juga pada keupayaan memahami budaya asal serta kehalusan emosi yang terkandung dalam karya sastera.

Berdasarkan Jadual 2, jelas bahawa proses penterjemahan karya kreatif Tamil–Melayu bukan sekadar pemindahan linguistik, tetapi turut melibatkan tafsiran semula yang mendalam terhadap makna, budaya, dan emosi. Setiap tema menunjukkan bagaimana teori Skopos dan Ekuivalen Dinamik diaplikasikan secara serentak dalam memastikan mesej dan keindahan karya asal dapat disampaikan dengan berkesan kepada pembaca Melayu.

Jadual 2: Ringkasan Hasil Kajian Penterjemahan Karya Kreatif Tamil–Melayu

Tema Utama	Subtema / Isu	Dapatan Kajian	Implikasi terhadap Penterjemahan Kreatif Tamil–Melayu
1. Cabaran Linguistik	a. Perbezaan struktur SOV–SVO	Struktur ayat Tamil (SOV) menimbulkan cabaran apabila diterjemahkan ke dalam struktur SVO bahasa Melayu, menyebabkan perubahan urutan makna dan emosi.	Penterjemah perlu menyesuaikan struktur dengan mengekalkan makna dan emosi utama agar mesej kekal jelas bagi pembaca sasaran.
	b. Pelarasan makna dan kejelasan komunikasi	Penterjemah sering perlu “mengorbankan” bentuk asal bagi mengekalkan kejelasan mesej dan emosi.	Menunjukkan keperluan keseimbangan antara ketepatan linguistik dan kefahaman pembaca, sejajar dengan prinsip <i>Ekuivalen Dinamik</i> .
2. Cabaran Idiomatik	a. Ungkapan simbolik dan idiom budaya	Idiom Tamil mempunyai makna kiasan dan budaya yang sukar diterjemahkan secara literal (contoh: “தலைய தாழ்த்தினான்”).	Tiga strategi dikenal pasti: (i) padanan idiomatik, (ii) terjemahan bebas dengan konteks emosi, (iii) nota kaki penjelasan.
	b. Kesan terhadap pembaca sasaran	Penterjemahan literal boleh menghilangkan maksud konotatif.	Penterjemah perlu memastikan kesan emosi setara, bukan sekadar makna literal — selaras dengan prinsip <i>Ekuivalen Dinamik</i> (Nida, 1964).
3. Cabaran Budaya	a. Istilah budaya tanpa padanan langsung	Istilah seperti “அண்ணன்” dan “தம்பி” membawa nilai kasih sayang dan hierarki sosial unik budaya Tamil.	Penterjemah perlu menilai tujuan terjemahan (<i>Skopos</i>): sama ada mengekalkan istilah asal dengan penjelasan, atau menyesuaikan dengan istilah Melayu yang hampir serupa.
	b. Penyesuaian nilai dan simbolisme budaya	Unsur adat dan nilai budaya Tamil perlu disesuaikan agar mudah difahami oleh pembaca Melayu tanpa kehilangan makna.	Menuntut kepekaan budaya dan kesedaran interkultural dalam proses penterjemahan.
4. Estetika dan Emosi dalam Terjemahan	a. Keindahan metafora dan irama bahasa	Keindahan karya Tamil sering bergantung pada gaya puitis dan permainan bunyi yang sukar dialih ke dalam bahasa Melayu.	Penterjemah menggunakan <i>stylised paraphrasing</i> bagi mengekalkan keindahan emosi dan nilai estetika.
	b. Pengekalan kesan emosi	Terjemahan “அவளின் கண்களில் கடல் கலங்கியது” →	Menunjukkan penerapan <i>Ekuivalen Dinamik</i> secara kreatif dan intuitif.

“matanya berkaca menahan gelora jiwa” menunjukkan kreativiti dalam mengekalkan kesan makna.

5. Kompetensi Penterjemah	a. Pengetahuan budaya dan sejarah	Semua penterjemah menegaskan kepentingan memahami konteks sosial dan budaya Tamil.	Penterjemah harus berperanan sebagai <i>jambatan budaya (cultural mediator)</i> agar mesej diterima dengan empati oleh pembaca sasaran.
	b. Peranan penterjemah sebagai pengantara budaya	Kejayaan terjemahan bergantung pada sensitiviti linguistik, budaya, dan estetika.	Menekankan keperluan latihan dan pembangunan kompetensi budaya dalam bidang penterjemahan kreatif.

Cadangan Strategik dan Implikasi Kajian

Dalam usaha memperbaiki kualiti penterjemahan karya kreatif bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu, beberapa pendekatan strategik perlu diterapkan secara menyeluruh dengan melibatkan penggiat bahasa, institusi akademik serta penyelidik linguistik. Penterjemahan bukan hanya satu bentuk pemindahan linguistik, tetapi juga satu proses penyaluran makna, emosi dan nilai budaya yang menuntut kepekaan antara bahasa dan masyarakat. Oleh itu, langkah-langkah strategik ini bukan sahaja berfungsi untuk memperkukuh amalan penterjemahan, tetapi turut membawa implikasi penting terhadap pembinaan kefahaman silang budaya dan perkembangan kajian linguistik di Malaysia.

Pertama sekali, adalah penting untuk mewujudkan program latihan penterjemahan interkultural yang lebih terfokus, bukan sahaja bagi memperkukuh kemahiran linguistik, tetapi juga kefahaman mendalam terhadap budaya sumber dan sasaran. Ramnath et al. (2021) menekankan bahawa latihan penterjemahan tidak seharusnya berasaskan teori literal atau tatabahasa semata-mata, sebaliknya perlu menanamkan kesedaran budaya dan pemikiran kontekstual agar penterjemah dapat menghasilkan terjemahan yang bernuansa serta relevan dengan masyarakat pembaca. Pendekatan interkultural ini memberi implikasi penting terhadap pembangunan kecekapan budaya dalam kalangan penterjemah muda, sekaligus menyumbang kepada kelestarian penterjemahan rentas bahasa minoriti.

Selain itu, satu lagi strategi penting ialah pembangunan glosari budaya dwibahasa yang lengkap dan boleh diakses secara terbuka. Glosari ini perlu merangkumi idiom, istilah keagamaan, simbol budaya, serta rujukan interteks yang sering digunakan dalam karya Tamil. Kewujudan glosari ini membolehkan penterjemah merujuk kepada sumber yang sahih dan berstruktur, seterusnya mengurangkan kemungkinan penyimpangan makna asal. Premjith et al. (2019) menjelaskan bahawa dokumentasi sumber budaya dalam bentuk digital atau leksikon beranotasi dapat menjadi asas kukuh kepada penterjemahan automatik dan manual yang lebih tepat, terutamanya bagi bahasa yang tergolong dalam kategori sumber terhad (*low-resource languages*). Implikasinya, usaha ini bukan sahaja memperkukuh bidang linguistik terapan, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan teknologi bahasa tempatan yang inklusif.

Seterusnya, kolaborasi antara penterjemah dan pengarang asal perlu diperluaskan. Hal ini kerana pengarang mempunyai pengetahuan mendalam tentang makna tersirat, simbolisme dan

niat semantik yang ingin disampaikan dalam karyanya. Kerjasama sedemikian dapat mengurangkan risiko salah tafsir serta membantu penterjemah mengekalkan roh dan keindahan karya asal. Kajian oleh Vijaya Shetty et al. (2023) menunjukkan bahawa keterlibatan penulis dalam proses pemindahan bahasa memperkayakan hasil akhir terjemahan dengan mengimbangi ketepatan makna dan keindahan gaya bahasa. Dari segi implikasi, pendekatan kolaboratif ini memperkukuh keaslian teks sasaran dan membina jalinan profesional antara komuniti sastera Tamil dan Melayu.

Strategi lain yang wajar dipertimbangkan ialah integrasi teknologi penterjemahan terkini secara bijaksana. Walaupun sistem seperti *Neural Machine Translation* (NMT) telah terbukti berguna sebagai alat bantu, teknologi ini tidak seharusnya menggantikan kreativiti dan kepekaan manusia dalam penterjemahan sastera. Nissanka et al. (2020) menegaskan bahawa pendekatan hibrid yang menggabungkan kecerdasan buatan dengan kawalan manusia (*human-in-the-loop*) memberikan hasil terjemahan yang lebih baik, khususnya dalam menganalisis struktur sintaksis dan metafora budaya. Oleh itu, latihan kepada penterjemah dalam menggunakan teknologi ini secara strategik amat penting agar mereka dapat menyeimbangkan antara kecekapan digital dan kehalusan interpretasi linguistik. Implikasinya, integrasi teknologi dengan kompetensi manusia dapat melahirkan model penterjemahan moden yang lebih dinamik dan relevan dengan cabaran era digital.

Di samping itu, penilaian dan pemantauan berterusan terhadap kualiti penterjemahan perlu diwujudkan. Penubuhan panel penilai dwibahasa yang terdiri daripada ahli bahasa, sasterawan, dan wakil budaya mampu memastikan setiap karya terjemahan mematuhi standard linguistik dan budaya. Julius et al. (2024) menyarankan agar mekanisme audit bahasa dilaksanakan bagi setiap karya terjemahan yang diterbitkan secara rasmi untuk mengelakkan kesilapan makna dan kehilangan identiti asal. Implikasi daripada cadangan ini ialah peningkatan kepercayaan masyarakat terhadap karya terjemahan tempatan serta penetapan piawaian profesional dalam industri penerbitan sastera.

Penterjemahan juga harus dilihat sebagai proses kreatif yang berkembang, bukan tugas mekanikal semata-mata. Justeru, penglibatan pelajar universiti dan penyelidik muda dalam projek penterjemahan kolaboratif wajar digalakkan melalui geran penyelidikan, pertandingan terjemahan, dan projek komuniti. Zubair (2024) dalam kajiannya mengenai pedagogi pembelajaran berasaskan projek membuktikan bahawa pelajar lebih terlibat secara emosi dan intelektual apabila diberi peluang meneroka penterjemahan secara praktikal dan kontekstual, khususnya dalam karya sastera dan puisi. Secara implisit, pendekatan ini berupaya membentuk generasi penterjemah baharu yang kreatif, reflektif dan peka terhadap nilai budaya.

Selain itu, penyelidikan lanjutan dalam bidang linguistik perbandingan Tamil–Melayu perlu diperhebatkan dengan memberi tumpuan kepada aspek morfologi, pragmatik dan semantik yang menjadi asas kepada pemindahan makna. Indra dan Jagannathan (2023) menegaskan bahawa kajian yang menelusuri akar sejarah linguistik antara dua bahasa dapat membuka ruang kepada pendekatan penterjemahan yang lebih saintifik dan berlapis. Oleh itu, institusi pengajian tinggi wajar menubuhkan pusat penyelidikan khusus yang memberi tumpuan kepada penterjemahan bahasa minoriti secara sistematik dan berterusan. Implikasi jangka panjangnya ialah peningkatan pengetahuan linguistik lintas budaya serta pengukuhan dasar bahasa kebangsaan yang lebih inklusif terhadap kepelbagaian linguistik.

Dalam konteks sosial dan industri, penerbit memainkan peranan penting dalam menjamin keberkesanan strategi-strategi ini. Mereka perlu memberi ruang masa dan kebebasan kepada penterjemah untuk berunding, meneliti teks asal secara mendalam, dan menghasilkan karya terjemahan dengan teliti. Vaingankar et al. (2021) menegaskan bahawa kekangan masa penerbitan sering menyebabkan hasil terjemahan menjadi tergesa-gesa dan kurang berkualiti. Oleh itu, meletakkan kualiti sebagai keutamaan berbanding kuantiti merupakan strategi terbaik dalam memastikan keaslian dan ketepatan karya terjemahan sastera. Hal ini juga mempunyai implikasi langsung terhadap imej industri penerbitan nasional yang berusaha menonjolkan profesionalisme penterjemahan kreatif.

Akhir sekali, promosi terhadap karya terjemahan berkualiti tinggi perlu digerakkan secara meluas. Kempen literasi bahasa, penerbitan dwibahasa dan penggunaan media sosial boleh dimanfaatkan untuk memperkenalkan nilai-nilai yang terkandung dalam karya sastera Tamil kepada masyarakat umum. Thenmozhi dan Aravindan (2018) menekankan bahawa literasi silang budaya perlu disokong oleh usaha kolektif sektor awam dan swasta agar masyarakat dapat menghargai keindahan bahasa serta warisan kesusasteraan pelbagai kaum. Dari sudut implikasi, inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan apresiasi budaya, tetapi turut menyumbang kepada pembinaan perpaduan sosial dan pengiktirafan terhadap kepelbagaian linguistik dalam pembangunan budaya nasional.

Kesemua strategi dan cadangan yang dikemukakan ini bukan sahaja berpotensi meningkatkan kualiti penterjemahan karya Tamil ke dalam bahasa Melayu, tetapi juga memperkukuh hubungan budaya antara dua komuniti linguistik di Malaysia. Penterjemahan harus dilihat sebagai proses intelektual dan estetik yang menghubungkan manusia daripada pelbagai latar bahasa, nilai dan sejarah. Oleh itu, komitmen kolektif daripada akademik, industri dan masyarakat amat diperlukan bagi memastikan warisan sastera Tamil dapat terus dinikmati secara penuh makna oleh masyarakat Melayu melalui penterjemahan yang berkualiti tinggi, autentik dan bernilai budaya.

Kesimpulan

Penyelidikan ini telah menjelaskan bahawa penterjemahan karya kreatif bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu merupakan proses yang amat kompleks, melibatkan interaksi yang mendalam antara struktur linguistik, idiomatik dan budaya. Penterjemahan tidak boleh dilihat sebagai pemindahan literal semata-mata, sebaliknya merupakan suatu bentuk komunikasi budaya yang menuntut kepekaan terhadap nilai, emosi dan gaya penulisan asal. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa perbezaan tatabahasa, idiom dan simbolisme budaya menjadi cabaran utama dalam mengekalkan keaslian serta keindahan karya asal apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Penerapan *Teori Skopos* dan *Teori Ekuivalen Dinamik* dalam kajian ini telah membantu menjelaskan bagaimana penterjemah dapat menyeimbangkan antara kesetiaan terhadap teks sumber dan keperluan kefahaman pembaca sasaran. *Teori Skopos* memberi arah terhadap tujuan penterjemahan, manakala *Teori Ekuivalen Dinamik* memastikan kesan makna dan emosi dapat dikekalkan dalam bahasa sasaran. Kedua-dua teori ini saling melengkapi dalam menjelaskan dimensi linguistik dan budaya yang membentuk hasil penterjemahan yang efektif. Justeru, penterjemah perlu mempunyai kesedaran teoritikal yang tinggi agar setiap keputusan linguistik yang dibuat berpaksikan prinsip komunikasi yang tepat dan sensitif terhadap budaya asal

Secara praktikal, kajian ini menunjukkan bahawa penterjemahan karya kreatif dapat berperanan sebagai jambatan budaya antara komuniti Tamil dan Melayu di Malaysia. Penterjemahan bukan sahaja memperluas akses terhadap warisan sastera pelbagai kaum, tetapi juga menyemarakkan semangat keterangkuman budaya melalui bahasa. Pelaksanaan strategi yang dicadangkan, seperti latihan interkultural, pembangunan glosari budaya, kolaborasi penterjemah-pengarang, integrasi teknologi, serta penilaian berkala, mampu memperkukuh kualiti dan profesionalisme bidang ini. Implikasinya, penterjemahan bukan lagi dilihat sekadar aktiviti linguistik, tetapi sebagai sebahagian daripada usaha nasional memperkukuh perpaduan sosial dan pemahaman silang budaya.

Kajian ini juga membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan dalam bidang linguistik perbandingan, teknologi bahasa dan sosiologi terjemahan. Penyelidikan masa hadapan boleh menumpukan kepada penerimaan pembaca terhadap karya terjemahan Tamil–Melayu, keberkesanan penterjemahan automatik yang disokong manusia, serta strategi mengintegrasikan teori linguistik dan kognitif dalam konteks penterjemahan kreatif. Dengan pendekatan holistik ini, bidang penterjemahan dapat berkembang sebagai satu disiplin ilmu yang dinamik, saintifik dan relevan dengan cabaran semasa.

Secara keseluruhannya, penterjemahan karya kreatif Tamil ke dalam bahasa Melayu harus terus digalakkan sebagai satu bentuk ekspresi budaya yang menyatukan masyarakat melalui keindahan bahasa. Ia bukan sahaja mengekalkan warisan sastera Tamil, tetapi turut memperkayakan khazanah kesusasteraan Melayu dengan nilai universal kemanusiaan. Maka, kejayaan penterjemahan bukan hanya diukur melalui ketepatan linguistik, tetapi juga melalui kemampuannya menghubungkan hati dan fikiran manusia merentas batas bahasa dan budaya.

Penghargaan

Setulus penghargaan dirakamkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana telah memberikan peluang yang amat bermakna kepada penulis dalam menyiapkan penulisan ini. Ruang yang disediakan bukan sahaja memperluas ufuk pengetahuan, malah turut memperkukuh kefahaman penulis dalam bidang penyelidikan bahasa dan komunikasi. Ucapan terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada penyelia utama, Dr. Muniswaran, atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat bernas, serta dorongan yang berterusan. Komitmen dan keprihatinan beliau telah menjadi pemangkin semangat serta sumber inspirasi sepanjang proses penyelidikan dan penulisan karya ini. Seterusnya, penulis ingin menzahirkan penghargaan ikhlas kepada seluruh barisan pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang sentiasa mencurahkan ilmu, memberikan dorongan moral, serta sokongan akademik yang amat bernilai. Sumbangan mereka telah membantu penulis menajamkan pemikiran dan menambah keyakinan dalam menyiapkan penulisan ini. Akhir kata, ucapan terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang tidak pernah jemu memberikan sokongan, berkongsi pengetahuan, serta menjadi sandaran kekuatan sepanjang tempoh penulisan ini. Segala bantuan dan dorongan, sama ada besar mahupun kecil, amat dihargai dan akan sentiasa dikenang.

Rujukan

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using thematic analysis in psychology*. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dwivedi, R. K., Nand, P., & Pal, O. (2025). Attention based English to Indo-Aryan and Dravidian language neural machine translation. *Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science*, 37(1), 250–256. <https://doi.org/10.11591/ijeecs.v37.i1.pp250-256>
- Indra, C. T., & Jagannathan, P. (2023). Colonial authority and Tamil scholarship: A study of translational ideologies. *South Asian Linguistics Review*. <https://doi.org/10.4324/9781003404873>
- Julius, C. A., Vijayalakshmi, S., & Palathara, T. S. (2024). Spoken language identification using deep learning techniques. *IEEE Conference on Electrical, Electronics and Communication Technologies (ICEECT)*. <https://doi.org/10.1109/ICEECT61758.2024.10738935>
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. SAGE Publications.
- Monesh Kumar, M. K., Valliammai, V., Geraldine Beulah, V., & Geetha, T. V. (2024). A new robust deep learning-based automatic speech emotion recognition. *In Automatic Speech Recognition and Translation for Low-Resource Languages* (pp. 135–154). <https://doi.org/10.1002/9781394214624.ch8>
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating*. Brill.
- Nissanka, L. N. A. S. H., Pushpananda, B. H. R., & Weerasinghe, R. (2020). Exploring neural machine translation for Sinhalese-Tamil-English. *ICTer 2020 - International Conference on Advances in ICT for Emerging Regions*. <https://doi.org/10.1109/ICTer51097.2020.9325466>
- Nord, C. (1997). *Translating as a purposeful activity: Functionalist approaches explained*. St. Jerome Publishing.
- Premjith, B., Kumar, M. A., & Soman, K. P. (2019). Neural machine translation system for English to Indian languages. *Journal of Intelligent Systems*, 28(3), 451–463. <https://doi.org/10.1515/jisys-2019-2510>
- Ramnath, S., Johnson, M., Gupta, A., & Raghuvver, A. (2021). HintedBT: Augmenting back-translation with quality-aware hints. *Proceedings of the 2021 Conference on Empirical Methods in Natural Language Processing (EMNLP)*. <https://doi.org/10.18653/v1/2021.emnlp-main.129>
- Sangeetha, M., & Nimala, K. (2024). Unravelling emotional tones: A hybrid optimized transformer model for Tamil literary sentiment classification. *Journal of Machine and Computing*, 4(1), 114–126. <https://doi.org/10.53759/7669/jmc202404012>
- Shivakumar, B., Sandeep, U., Varshini, V., Kumaravel, S., & Kumaran, N. (2025). Multi-head attention transformer for text2text translation in resource-poor languages. *Procedia Computer Science*, 258, 1962–1971. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2025.04.447>
- Srivatsa, B. R., & Kulkarni, A. (2017). The curious case of Kannada 'maaDu'. *2017 International Conference on Advances in Computing, Communication and Automation (ICACCAF)*, 1–3. <https://doi.org/10.1109/ICACCAF.2017.8344737>
- Thenmozhi, D., & Aravindan, C. (2018). Ontology-based Tamil–English cross-lingual information retrieval. *Sādhanā*, 43, 174. <https://doi.org/10.1007/s12046-018-0942-7>
- Vaingankar, J. A., Abdin, E., Chong, S. A., & Sambasivam, R. (2021). Development of the Chinese, Malay and Tamil translation of the WHOQOL. *Transcultural Psychiatry*, 58(3), 412–425. <https://doi.org/10.1177/1363461520976045>

- Vijaya Shetty, S., Karan, R., & Sarojadevi, H. (2023). A Kannada handwritten character recognition system using deep CNN. *2023 International Conference on Artificial Intelligence and Smart Communication (ICAISC)*. <https://doi.org/10.1109/ICAISC58445.2023.10199168>
- Zubair, K. M. A. A. (2024). Analysis of project-based learning (PBL) in teaching translation. *Research Culture and Opinion, 1*(1), 44–60. <https://doi.org/10.25112/rco.v1.3625>